



## PENDAHULUAN

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemahiran sumber manusia industri pembinaan Negara supaya mereka boleh menyumbang ke arah peningkatan daya saing industri ini pada masa hadapan.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh CIDB adalah membangunkan pelbagai standard dan program latihan kemahiran dengan menerima teknologi yang sesuai dengan keperluan industri yang dapat meningkatkan kualiti industri pembinaan.

Latihan dilaksanakan akan dengan kerjasama pihak industri yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam tred latihan berkaitan.



## TEMPAT LATIHAN

Latihan 'Customise' Kemahiran akan dijalankan di pusat latihan CIDB iaitu Akademi Binaan Malaysia (ABM).

Terdapat (6) Akademi Binaan Malaysia iaitu:

- Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara
- Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah
- Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan
- Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur
- Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sabah
- Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sarawak



## PROGRAM LATIHAN

Latihan ini dikenali sebagai Latihan 'Customise' Kemahiran yang dianjurkan bersama-sama dengan pihak industri.

Tempoh Latihan – 1 hari

Latihan yang akan diberikan merangkumi latihan teori dan latihan praktikal.

## BIDANG / TRED

"AIRLESS PAINTING"



## OBJEKTIF

Objektif Latihan 'Customise' Kemahiran ini adalah untuk melahirkan personel binaan yang memiliki kemahiran bersesuaian dengan keperluan industri dan menepati standard, kualiti serta teknologi terkini.



## SASARAN PESERTA

Pekerja Binaan tempatan yang mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 6 bulan, berumur dari 18 hingga 55 tahun, mempunyai Kad Hijau yang masih sah serta boleh menulis dan membaca.

Selain dari itu, pihak kontraktor yang ingin mendapatkan informasi serta teknologi terkini dalam industri pembinaan adalah dialu-alukan

## YURAN DAN KEMUDAHAN

- Yuran Latihan dibiayai sepenuhnya oleh CIDB.
- Latihan selama 1 hari akan diberikan secara percuma kepada peserta.
- Kemudahan makan dan minum disediakan oleh CIDB.
- Sijil Kehadiran / Sijil Pencapaian akan diberikan kepada semua peserta.
- CCD POINT:8